

R B546 B A H
MAHATHIR - AKHBAR
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI)

PETALING JAYA, 15 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA AKHBAR-AKHBAR DI NEGARA INI MEMPUNYAI KEBEBASAN SAMA ADA UNTUK MENKRITIK ATAU MENGECEM KERAJAAN SERTA KEBEBASAN UNTUK MENYOKONG KERAJAAN.

KATANYA, KEBEBASAN AKHBAR BUKAN BERMAKNA HANYA UNTUK MENKRITIK DAN MENGECEM KERAJAAN TETAPI JUGA BEBAS UNTUK MENYOKONG KERAJAAN.

BELIAU BERKATA ADA PENDAPAT YANG MENGATAKAN JIKA AKHBAR MENYOKONG KERAJAAN IA MERUPAKAN TANDA BAHAWA AKHBAR ITU TIDAK BEBAS DAN SEBALIKNYA JIKA AKHBAR ITU MENENTANG KERAJAAN, IA DIANGGAP SEBAGAI BEBAS WALAUPUN IA MENENTANG KERANA TAKUT KEPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU DI LUAR KERAJAAN ATAU TAKUT IA TIDAK POPULAR DAN AKHBARNYA TIDAK LARIS DIJUAL.

+SEBENARNYA AKHBAR SEPERTI INI JUGA TIDAK BEBAS,+ KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN MALAYSIA (NUJ) DI HOTEL HILTON DI SINI, MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI NEGARA-NEGARA DEMOKRATIK DI BARAT, TERDAPAT AKHBAR-AKHBAR YANG PRO-KERAJAAN DAN AKHBAR-AKHBAR YANG ANTI-KERAJAAN.

+TETAPI OLEH KERANA ADA TIGA ATAU EMPAT AKHBAR DI MALAYSIA YANG TIDAK MENGECEM KERAJAAN SECARA MELULU, MAKA KERAJAAN MALAYSIA DITUDUH TIDAK MENDOKONG KEBEBASAN AKHBAR,+ KATANYA. -- LAG1
2056MST 15 06 90

R 8547 BAH
MAHATHIR - AKHBAR 2 PETALING JAYA (EMBARGO)

D I SAMPING ITUPERDANA MENTERI BERKATA TERDAPAT BANYAK AKHBAR YANG ANTI-KERAJAAN DI NEGARA INI DENGAN BERITA-BERITANYA YANG AMAT BURUK DAN MERUPAKAN SINDIRAN.

+AKHBAR-AKHBAR INI JUGA MELAPORKAN PEMBOHONGAN-PEMBOHONGAN SECARA LANTANG. TETAPI AKHBAR-AKHBAR INI MASIH KEKAL.+

. +ADANYA AKHBAR-AKHBAR SEPERTI INI DI MALAYSIA PUN TIDAK MENGHALANG ORANG TERTENTU MENUDUH BAHAWA AKHBAR-AKHBAR DI MALAYSIA TIDAK BEBAS. PENDEK KATA, JIKA NEGARA BARAT APA PUN MEREKA BUAT ADALAH TIDAK SALAH. TETAPI, JIKA MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN BUAT PERKARA YANG SAMA, MEREKA ADALAH SALAH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMBERITA-PEMBERITA DAN PIHAK-PIHAK ASING CUMA MEMBACA BEBERAPA AKHBAR INGGERIS YANG MENYOKONG KERAJAAN DAN MENDAKWA BAHAWA TIDAK ADA KEBEBASAN AKHBAR DI NEGARA INI, MANAKALA PIHAK-PIHAK TERTENTU DI MALAYSIA PULA MENYAHUT +BENAR, MEMANG TIDAK ADA KEBEBASAN AKHBAR DI MALAYSIA+.

KATANYA, INI MENUNJUKKAN PEMIKIRAN KOLONIAL DI MANA MEREKA CUMA MENJADI +ECHO+ ATAU BURUNG TIONG YANG PANDA1 BERKATA-KATA TETAPI TIDAK MAMPU MELAHIRKAN FIKIRAN SENDIRI DAN SANGGUP MENERIMA APA SAHAJA YANG DIPERKATAKAN OLEH ORANG ASING. -- LAG1
2100MST 15 06 90

D136

R B550 BAH
MAHATHIR - AKHBAR 3 PETALING JAYA (EMBARGO)

+DAN APABILA ORANG ASING INI MENAFIKAN SESUATU, MEREKA PUN JUGA TURUT MENAFIKANNYA. TIDAKKAH MEREKA INI MEMPUYAI MARUAH? DEMIKIANLAH TERKONGKONGNYA FIKIRAN MEREKA INI SEHINGGA APABILA PIHAK ASING MENGESYORKAN SUPAYA SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) KITA DITARLK BALIK, MEREKA TURUT MENDESAK BERSAMA. PENJAJAHAN MENTAL ADALAH LEBIH BERKESAN DARIPADA PENJAJAHAN FIZIKAL,+ KATANYA.

+HAKIKAT YANG SEBENARNYA IALAH KEBEBASAN AKHBAR TIDAK WUJUD DI MANA-MANA, BAIK DI NEGARA LIBERAL DEMOKRAT ATAU DI NEGARA DIKTATOR,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA DI NEGARA LIBERAL OEMOKRAT SEKALI PUN, BERITA DAN RENCANA DALAM MEDIA MASSA DIKUASAI OLEH ORANG TERTENTU YANG BERKUASA DALAM MEDIA BERKENAAN.

MENURUT PERDANA MENTERI KETIKA BELIAU BERADA DI NEW YORK UNTUK BERUCAP DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) CERITA-CERITA YANG BURUK BERKENAAN MALAYSIA DISIARKAN OLEH THE WALL STREET JOURNAL DAN THE ASIAN WALL STREET JOURNAL DAN TIDAK SEPATAHPUN DARIPADA UCAPAN BELIAU DISIARKAN DALAM AKHBAR THE WALL STREET JOURNAL ATAU MANA-MANA AKHBAR BESAR AMERLKA SYARLKAT.

SEBAGAI BANDINGAN, KATANYA, JIKA PEMBESAR DARI NEGARA MEREKA DATANG KE MALAYSIA, SEGALA APA Y A N G MEREKA PERKATAKAN DISIAR DENGAN PANJANG LEBAR OLEH AKHBAR-AKHBAR DI MALAYSIA,

+SIAPAKAH YANG MENGAMALKAN KEBEBASAN AKHBAR, MEREKA ATAU KITA?,+ TANYA PERDANA MENTERI. -- LAGI

2109MST 15 06 90

D137

R B551 BAH
MAHATHIR - AKHBAR 4 PETALING JAYA (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BEBERAPA KETUA NEGARA DAN KERAJAAN SERTA PEGAWAI-PEGAWAI SEMASA PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DAN PERSIDANGAN KEMUNCIAK KUMPULAN PERUNDINGAN DAN KERJASAMA SELATAN 15 (G-15) TELAH MENYATAKAN MEREKA MENDAPATI MALAYSIA SEBAGAI MAJU, AMAN DAN SOFISTIKATED, TIDAK SEPERTI YANG MEREKA BACA DALAM LAPORAN-LAPORAN AGENSI BERITA BARAT.

BELIAU BERKATA WALAUPUN MUNGKIN TERDAPAT ANGGOTA-ANGGOTA NUJ YANG ANTI-KERAJAAN TETAPL SETIAP ANGGOTA KESATUAN ITU HARUS MEMPUYAI SEKURANG-KURANGNYA SEDIKIT PERASAAN PATRIOTISMA TERHADAP MALAYSIA.

+JANGANLAH KERANA TIDAK SYKA KEPADA KERAJAAN MAKA KITA SANGGUP MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA DAN BANGSA KITA SENDIRI SERTA MENJADI ALAT KEPADA AKHBAR-AKHBAR ASING.+

+JANGANLAH KITA SANGGUP MEMBUAT LAPORAN-LAPORAN YANG TIDAK BERASAS HANYA KERANA AKHBAR-AKHBAR ASING TIDAK SUKA APA-APA YANG POSITIF YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA DI MANA MEREKA TIDAK LA61 MENJADI TUAN. JANGANLAH KITA SANGGUP MENJUAL MARUAH BANGSA KERANA WANG RINGGIT,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU MEMINTA PIHAK AKHBAR BERPEGANG KEPADA KEBENARAN SAMBIL BERKATA MEMBENARKAN DIRI DIPENGARUHI OLEH PERASAAN BENCI KEPADA KERAJAAN ATAU KERANA WANG RINGGIT AKAN MENIDAKKAN KEBEBASAN AKHBAR.

-- LAGI

2112MST 15 06 90

D138

R 8552 BAH
MAHATHIR - AKHBAR 5 PETALING JAYA (EMBARGO)

+JANGANLAH INGAT KERAJAAN SAHAJA YANG BOLEH MENJEJASKAN
KEBEBASAN AKHBAR. **PEMILIK**, PENGARAH, **PENGARANG**, KEPENTINGAN
KEWANGAN, DORONGAN POPULARITI - SEMUA **INI** BOLEH MENJEJASKAN
KEBEBASAN **AKHBAR**,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN **DI** NEGARA
INI TIDAK MEMPUYAI KUASA YANG **+MUTLAK+**, DAN RAKYAT BOLEH
MENGANTIKANNYA MANAKALA MAHKAHAH PULA BOLEH MEMBATALKAN KEPUTUSAN
KERAJAAN.

KATANYA, OLEH ITU AKHBAR-AKHBAR **DI** NEGARA **INI** MESTI MENERIMA
SEKATAN-SEKATAN TERTENTU TERHADAP MEREKA KERANA IA BUKAN BERTUJUAN
MENIDAKKAN KEBEBASAN AKHBAR TETAPI UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN NEGARA.

-- BERNAMA.

2113MST 15 06 90